

立德



金殿堂

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

国文

Tahun

6

Bahasa Melayu

6

set
Pentaksiran
Sumatif

+

2

set
Model Pentaksiran UASA
yang boleh dilembakan

*Sesuai untuk Pentaksiran Bilik Darjah PBD



Nama



Kelas



Masa: 1 Jam 15 Minit

Bahagian A

/ 10 Markah

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Marsyitah _____ majlis rumah terbuka yang dianjurkan oleh Kelab Rukun Tetangga Taman Muhibah.
A hadirin
B kehadiran 到来
C menghadiri 出席
D menghadirkan

2. Kumpulan Aina telah berjaya _____ pertandingan bola jaring sempena Program Jiran Muda anjuran penduduk Taman Putri.
A pemenang 胜利者
B dimenangi 被赢取
C memenangi
D bermenangkan

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

3. A Alia dan Zhi Yi telah dihasilkan rekaan tudung yang bertemakan perpaduan.
B Zhang Min telah mengumumkan sebagai pemenang untuk pertandingan menulis karangan. 宣布
C Pasukan bola sepak Taman Gasing FC telah menjuarakan Piala Majlis Perbandaran Daerah Sepang. 赢取
D Jason telah menghadiri Pertandingan Reka Kreatif untuk memberi sokongan kepada sahabatnya yang menyertai pertandingan itu. 鼓励

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Keluarga Maisarah mempunyai sebuah kafe yang bernama Kafe TapaqKing. Kafe ini menjual pelbagai jenis makanan tradisional. Kafe keluarga Maisarah bukan sahaja menjual makanan tradisional masyarakat Melayu, malahan kafe ini juga menjual makanan tradisional masyarakat Cina dan India.

Antara makanan tradisional yang terdapat di Kafe TapaqKing ialah Nasi Lemak, Nasi Kerabu, Nasi Beriyani, Roti Canai, Tose, Dim Sum, Mi Tarik dan sebagainya. Kepelbagaian menu yang terdapat di Kafe TapaqKing menarik minat masyarakat yang berbilang kaum. Semua pelanggan yang mengunjungi Kafe TapaqKing berpuas hati dengan menu yang disajikan.

Perniagaan yang dijalankan oleh keluarga Maisarah ini semakin hari semakin maju. Kini, Kafe TapaqKing telah menambah tiga cawangan di sekitar negeri Selangor dan Negeri Sembilan.

4. Apakah nama kafe milik keluarga Maisarah?
 - A Kafe Maisarah
 - B Kafe TapaqKing
 - C Restoran Maisarah
 - D Restoran TapaqKing
5. Apakah makanan tradisional masyarakat Cina yang dijual di Kafe TapaqKing?
 - A Dim Sum
 - B Roti Canai
 - C Nasi Lemak
 - D Nasi kerabu
6. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan petikan.
 - A Kafe TapaqKing hanya menjual makanan tradisional masyarakat Melayu.
 - B Kafe TapaqKing menjual pelbagai aneka makanan yang terdapat di Selangor.
 - C Kafe TapaqKing semakin maju dan telah membuka beberapa cawangan di seluruh Malaysia.
 - D Masyarakat yang berbilang kaum tertarik dengan Kafe TapaqKing disebabkan kepelbagaian menu.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

PERKEMAHAN BERSEPADU BADAN BERUNIFORM SJKC YING SENG

举办当局
Anjuran : Persatuan Kadet Remaja Sekolah dan Pengakap SJKC Ying Ping

Tarikh : 22 - 23 September 20__ (Sabtu & Ahad)

Masa : 10.00 Pagi (Pendaftaran)

Tempat : SJKC Ying Seng


Objektif :

- * Melatih ahli-ahli berdikari.
- * Melahirkan murid yang berdaya saing.
- * Mengaplikasi kemahiran melalui aktiviti luar.
- * Meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental.
- * Memupuk semangat kerjasama, tolak ansur dan disiplin.

Matlamat : Melahirkan pelajar cemerlang, beriman, berakhlak mulia dan mempunyai jati diri serta berketerampilan.

Penyertaan terbuka kepada semua murid tahap 2.

* Borang penyertaan boleh diperolehi daripada Cikgu Hong, guru penasihat Kadet Remaja Sekolah.



BAHAN 2

Arvin dan rakan-rakannya ingin menyertai perkemahan bersepadu yang bakal diadakan pada hujung minggu akan datang dengan tujuan untuk berdikari dan berdaya saing. Perkemahan tersebut telah dianjurkan oleh persatuan Kadet Remaja Sekolah dan Pengakap SJKC Ying Ping.

Objektif perkemahan ini diadakan adalah untuk melatih murid-murid menjadi seorang yang berdikari serta berdaya saing. Selain itu juga, ia bertujuan mengaplikasi kemahiran melalui aktiviti luar serta meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental murid. Di samping itu, ia juga dapat memupuk semangat kerjasama, tolak ansur serta disiplin antara murid.

7. Berapa harikah Perkemahan Bersepadu badan beruniform ini akan berlangsung?
- A 1 hari 1 malam
 - B 2 hari 1 malam
 - C 2 hari 2 malam
 - D 3 hari 2 malam
8. Apakah matlamat perkemahan ini diadakan?
- A Untuk melatih murid-murid menjadi seorang yang berdikari.
 - B Untuk memupuk semangat kerjasama, tolak ansur dan disiplin murid-murid.
 - C Untuk mengaplikasi kemahiran melalui aktiviti luar serta meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental murid.
 - D Untuk melahirkan pelajar cemerlang, beriman, berakhlak mulia dan mempunyai jati diri serta berketerampilan.
9. Mengapakah Arvin dan rakan-rakannya berminat untuk menyertai perkemahan perpaduan?
- A Arvin dan rakan-rakannya ingin mencari jati diri mereka.
 - B Arvin dan rakan-rakannya ingin mencari kenalan baharu.
 - C Arvin dan rakan-rakannya ingin melatih diri mereka untuk berdikari dan lebih berdaya saing.
 - D Arvin dan rakan-rakannya ingin mengisi masa lapang sempena cuti hujung minggu akan datang.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Pengertaaan perkemahan ini terbuka kepada semua murid tahap 2.
 - B Pendaftaran perkemahan ini hanya dibuka pada jam 10.30 pagi sahaja.
 - C Perkemahan bersepadu ini akan diadakan di taman permainan Taman Ying Seng.
 - D Perkemahan Bersepadu Badan Beruniform SJKC Ying Seng telah dianjurkan oleh Persatuan Kadet Remaja Sekolah.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

SJKC Nilai Indah akan mengadakan Karnival Kebajikan "Prihatin Bersama". Karnival ini bertujuan membantu murid-murid yang kurang berkemampuan.

Liu Wei dan Darvin akan mengambil bahagian dalam karnival kebajikan tersebut. Liu Wei bercadang untuk menjual pakaian terpakainya yang masih elok seperti baju kemeja, seluar dan juga baju sekolah. Darvin pula bercadang untuk menjual buku-buku terpakai seperti buku cerita, novel, buku rujukan dan juga komik.

Hasil daripada jualan tersebut akan disumbangkan kepada murid-murid yang kurang berkemampuan. Perkara ini secara tidak langsung dapat meringankan beban murid-murid yang memerlukan.

(a) SJKC Nilai Indah akan mengadakan _____.
[1 markah]

(b) Apakah yang akan dijual oleh Liu Wei dan Darvin?

[2 markah]

(c) Gariskan satu kata berimbuhan apitan yang terdapat dalam ayat diberikan.

Perkara ini secara tidak langsung dapat meringankan beban murid-murid yang memerlukan.

[1 markah]

(d) Pilih dan tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul berdasarkan petikan.

Hasil jualan daripada karnival kebajikan tersebut akan dijadikan dana membaik pulih bangunan sekolah yang usang.	
Hasil jualan daripada karnival kebajikan tersebut akan disalurkan kepada murid-murid sekolah tersebut yang kurang berkemampuan.	

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Rakan sekelas kamu iaitu Arisa sudah dua hari tidak hadir ke sekolah. Guru kelas kamu memberitahu bahawa Arisa tidak hadir ke sekolah kerana demam panas. Kamu yang merupakan sahabat karibnya begitu risau akan keadaannya. Apatah lagi ujian pertengahan tahun akan berlangsung pada minggu hadapan.

Apakah yang akan kamu lakukan sekiranya mendengar berita keadaan sahabat kamu yang tidak sihat?

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue or grey ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There is no handwriting or other markings on the paper.

UASA BM 6 – Pentaksiran Sumatif 4

*Grafik di bawah menunjukkan cara mengukuhkan semangat perpaduan.
Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara memupuk semangat perpaduan.**
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.**
Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.***



110 markab]

[10 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



[20 markah]